



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN INSURANS/TAKAFUL KENDERAAN MILIK FAMA (PERDAGANGAN) BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
FAMA/BSH 036/2024	221801	29/04/2024 hingga 06/05/2024	TIADA	RM 50.00	06/05/2024 (sebelum 12:00 tengahari)

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

i) **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)**

ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **FAMA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen**. Pembekal hendaklah membawa **cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Sebut Harga**. **FAMA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **FAMA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **ATAS TALIAN (BANK IN) (512503103652-MAYBANK)** atas nama **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**
4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) di alamat seperti di bawah. **Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh FAMA semasa menghadiri taklimat sebut harga.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **FAMA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **FAMA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

SERAHAN SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM SENNEGO

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12:00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.
10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan Sennego dan memilih pasaran FAMA sebelum membeli dokumen sebut harga.
11. Resit pembayaran dokumen perlu dikemukakan kepada pegawai Tele-Center melalui emel perolehanpre2020@fama.gov.my atau hubungi talian 03-61262020.
12. Sila masukkan no. sebutharga FAMA/BSH 036/2024 pada subjek emel tersebut.